

Gempar penemuan buaya 'gergasi' di Kuantan

Oleh KOSMO! | 13 Disember 2022, 12:15 pm



Tangkap layar perkongsian video penemuan buaya bersaiz besar di Kuantan, Pahang.

PETALING JAYA – Kemunculan seekor buaya bersaiz agak besar di tengah jalan dipercayai di Kuantan, Pahang, menggemparkan laman sosial sejak awal pagi ini.

Perkongsian video berdurasi 38 saat oleh Faizuddin Zulkiflie di TikTok itu seperti dijangka, mencetuskan kebimbangan netizen.

Menurut Faizuddin menerusi komen balas kepada netizen, penemuan reptilia berkenaan berlaku di jalan dalam Air Hitam menghala ke Sri Damai.

Rata-rata netizen meminta supaya orang ramai lebih berhati-hati dan menggesa tindakan segera diambil pihak berkuasa bagi mengelakkan kejadian tidak diingini berlaku.

“Kalau dia libas ekor tu mau terbalik kereta. Ni baru la dikatakan jalan seram,” komen Miss Scarlett.

“Tunggu ada yang mati kene serang buaya baru pihak berkuasa tembak tapi bila tak ada dia orang biar je. Patut cegah sebelum berlaku, keluarkan lesen buru buaya,” kata Jebat CQE pula.

“Seramnya. Hati-hati mandi kat sungai tu takut buaya masuk kawasan mandi-manda je,” kata seorang lagi netizen.

Sejak dikongsi lebih 13 jam lalu, video tersebut meraih 55,800 jumlah tontonan dengan 3,078 tanda suka. – KOSMO! ONLINE